MAHATHIR-KAYA 1984

KUALA LUMPUR, 31 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU RAKYAT MALAYSIA MENCARI KEKAYAAN KERANA KEKAYAAN AKAN MENDATANGKAN MANFAAT KEPADA NEGARA DAN PENDUDUKNYA.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN DENGAN ADANYA ORANG-ORANG KAYA DI NEGARA INI, SEMUA PENDUDUK KHUSUSNYA DAPAT MENUMPANG HIDUP DAN BEROLEH KEUNTUNGAN DARIPADA KEKAYAAN ITU.

+OLEH DEMIKIAN, JANGANLAH MEMPERKECIL-KECILKAN USAHA MENAMBAHKAN HARTA KERANA IA MEMBAWA KEBAIKAN BUKAN SAHAJA KEPADA YANG KAYA TETAPI KEPADA ORANG-ORANG LAIN YANG MENUMPANG DARIPADA KEKAYAAN ITU.

+TANPA ORANG KAYA, KUTIPAN DERMA DAN MALAM-MALAM AMAL TIDAK AKAN MENCAPAI KEJAYAAN,+ TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN SIMPOSIUM BUMIPUTERA DAN EKONOMI NEGARA SELAMA DUA HARI ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN.

DR. MAHATHIR MERAYU PENIAGA DAN PENGUSAHA YANG KAYA DAN BERJAYA SUPAYA MEMBANTU BUMIPUTERA LAIN MENCAPAI KEJAYAAN KERANA INI KELAK AKAN MENGUNTUNGKAN MEREKA.---LAGI

MENURUT PERDANA MENTERI, JIKA SEMUA PENDUDUK KAYA, MAKA BARANG-BARANG YANG DIPASARKAN OLEH MEREKA YANG KAYA AKAN DAPAT DIBELI OLEH SEMUA DAN INI SUDAH TENTU MENGUNTUNGKAN SI KAYA YANG BERKENAAN.

+KALAU ADAPUN STRATEGI PEMASARAN YANG BAIK TETAPI ORANG-ORANG DI NEGARA INI MISKIN, SUDAH TENTU BARANG-BARANG YANG DIPASARKAN TIDAK LAKU.

+SEBAB ITU SAYA SERING MENYATAKAN KEPADA NEGARA-NEGARA ASING AGAR MEREKA MEMBANTU KITA MEMPEROLEHI KEKAYAAN, KERANA DENGAN ADANYA MASYARAKAT KAYA, MEREKA TIDAK SUKAR MENJUAL BARANG-BARANG MEWAH SEPERTI VIDEO KASET DI NEGARA INI,+ TAMBAHNYA. -$

SEBELUM ITU, YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA, DR. NAWAWI MAT AWIN MENYAMBUT BAIK PENGUMUMAN PERDANA MENTERI BARU-BARU INI UNTUK MENGKAJI SECARA TERPERINCI DASAR FISKAL KERAJAAN.

BELIAU BERHARAP AKAN KEMUNGKINAN BEBERAPA CUKAI DIUBAH ATAU DIPINDA UNTUK MEMBAWA SUASANA YANG BAIK KEPADA PERDAGANGAN NEGARA INI TERUTAMA DALAM KEADAAN EKONOMI DUNIA SEKARANG YANG +BELUM TENTU ARAHNYA.+ --BERNAMA